**POLITEKNIK NILAI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek
NEGERI SEMBILAN
MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA NILAI

Tel : 06-7980400
Faks : 06-7911269
Laman Web: pns. mypolycc.edu.my
Facebook: politeknik.edu

Ruj. Kami: PNS/700-1/1-2 ( 93)
Tarikh : 25 Januari 2023

**KEPADA PELAJAR YANG DIHORMATI,**

Saudara/Saudari,

**TATACARA PENDAFTARAN DAN MAKLUMAT LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI II 2022/2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak pengurusan Politeknik Nilai telah menetapkan tarikh-tarikh penting untuk kemasukan dan lapor diri pelajar senior seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| **Pembayaran Yuran** | : | **26 Januari - 3 Februari 2023** |
| **Pendaftaran secara dalam talian** | : | **30 Januari - 3 Februari 2023** |
| **Pendaftaran Asrama** | : | **6 Februari 2023 (Isnin)**<br>**(bagi yang berkaitan sahaja)** |
| **Sesi Kuliah bermula** | : | **7 Februari 2023 (Selasa)** |

3. Sehubungan itu, bagi memastikan proses pendaftaran berjalan dengan lancar, saudara/saudari perlu memastikan telah membuat pembayaran yuran dan mendaftar di dalam sistem SPMP mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Maklumat lanjut berhubung perkara ini adalah seperti di **Lampiran 1.**

4. Manakala bagi pelajar senior yang ditawarkan tinggal di asrama perlu memastikan telah membuat pembayaran yuran asrama dan mematuhi arahan dalam tatacara pendaftaran asrama yang telah ditetapkan. Maklumat lanjut berhubung perkara ini adalah seperti di **Lampiran 2.**

5. Kerjasama dan tindakan proaktif saudara/saudari dalam membuat persediaan untuk kembali ke kampus bagi menjalani kuliah secara bersemuka mengikut SOP dan garis panduan yang ditetapkan adalah sangat dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Nilai melalui talian 06-7980441/491.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI WAN ZULKIFLY BIN WAN ZAKARIA)**
Pengarah
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

## TATACARA PENDAFTARAN BAGI PELAJAR SENIOR SESI II 2022/2023

Mula

**Membuat bayaran** ;
i. Yuran pengajian RM200
ii. Yuran asrama RM360
(bagi pelajar yang mendapat tawaran asrama sahaja)
iii. Bayaran insurans ( **Sem 3,5,7 dan 9 sahaja)**
*****Pelajar tajaan/biasiswa WAJIB membayar insurans sendiri

i. Daftar secara *online* di laman web politeknik **bermula 30/01/2023** di http://spmp.polinilai.edu.my/uspmp2/hepseniorslip.jsp
*selepas 24 jam (hari bekerja) bayaran dilakukan

ii. Cetak **salinan slip pengesahan pendaftaran**

iii. **Muat naik** resit pembayaran yuran (**insurans sahaja**) melalui link berikut https://bit.ly/yuranseniorsesiII atau scan QR code

iv. **Muat naik** surat tajaan / biasiswa melalui link berikut https://bit.ly/yuranseniorsesiII atau scan QR code (**Pelajar tajaan / biasiswa sem 2 - sem 5 sahaja**)

**Pendaftaran Kursus secara *online* melalui iDaftar**
Bermula 30 Januari – 3 Februari 2023
(Rujuk Unit Peperiksaan)

Kuliah secara bersemuka bermula sepenuhnya pada 7 Februari 2023

Selesai

# MAKLUMAT PEMBAYARAN DAN LAPOR DIRI PELAJAR
# SESI II 2022/2023

## 1. TARIKH-TARIKH PENTING LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR

Berikut adalah tarikh-tarikh penting berkaitan pendaftaran dan lapor diri pelajar senior:

| PERKARA | TARIKH |
|---|---|
| Pembayaran Yuran Pengajian, Asrama dan Insurans | Bermula 26 Januari 2023 – 3 Februari 2023 |
| Pendaftaran Secara Dalam Talian (http://spmp.polinilai.edu.my/) | Bermula 30 Januari – 3 Februari 2023 |
| Pendaftaran Kursus (Rujuk Unit Peperiksaan) | Bermula 30 Januari – 3 Februari 2023 |
| Kuliah bermula secara bersemuka sepenuhnya | 7 Februari 2023 (Selasa) |

## 2. PENDAFTARAN SECARA DALAM TALIAN

Pendaftaran secara atas talian boleh dilakukan selepas pembayaran yuran dibuat mengikut jadual berikut:

| BIL. | TEMPOH MASA BAYARAN | PENDAFTARAN *ONLINE* |
|---|---|---|
| 1 | Bayaran dibuat pada hari bekerja **sebelum** jam 4.00 petang | Pendaftaran dalam talian (*Online*) boleh dilaksanakan dalam tempoh **24** jam daripada pembayaran. |
| 2 | Bayaran dibuat pada hari bekerja **selepas** jam 4.00 petang | Pendaftaran dalam talian (*Online*) boleh dilaksanakan dalam tempoh **48** jam daripada pembayaran. |
| 3 | Bayaran dibuat pada hari cuti | Pendaftaran dalam talian (*Online*) boleh dilaksanakan dalam tempoh **48 jam hari bekerja** berikutnya. |

## 3. MAKLUMAT PEMBAYARAN DAN LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI II 2022/2023

| BIL. | JENIS BAYARAN | JUMLAH (RM) | KAEDAH BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Yuran Pengajian | 200.00 | Bayar melalui Perbankan Internet (JomPay). Rujuk tatacara pembayaran pada **perkara 3.1.1** |
| 2 | Yuran Asrama (Bagi yang tinggal di asrama sahaja) | 360.00 | Bayar melalui Perbankan Internet (JomPay). Rujuk tatacara pembayaran pada **perkara 3.1.2** |
| 3 | Bayaran Insurans (pelajar sem 3,5,7 dan 9 sahaja) *pelajar tajaan/biasiswa wajib membayar insurans sendiri | 35.00 | Bayar melalui *online transfer* ke akaun KOPERASI POLITEKNIK NILAI BERHAD. Rujuk tatacara pembayaran pada **perkara 3.1.3** |

Nota :

i. Patuhi arahan / kaedah yang betul ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Bayaran Insurans.

ii. Pembayaran **yuran pengajian**, **yuran asrama** dan **insurans** mestilah dibuat **SECARA BERASINGAN** mengikut kaedah yang dinyatakan bagi yuran tersebut.

iii. Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.

## 3.1 KAEDAH BAYARAN YURAN PELAJAR SENIOR SESI II 2022/2023

Pembayaran yuran boleh dilaksanakan bermula **26 Januari 2023**. Kaedah pembayaran yuran adalah seperti berikut:

### 3.1.1 Kaedah pembayaran YURAN PENGAJIAN

* Bayar melalui Perbankan Internet (JomPay)

**Langkah 1:** Log masuk ke bank pilihan anda.



**Langkah 2:** Pilih JomPay pada menu Pay Bills




**Langkah 3:** Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

i. Biller Code : **483339**

ii. Reference 1 : **Nombor Kad Pengenalan Pelajar** (tanpa simbol '-'', contoh: **030208055040**)

iii. Reference 2 : **Nombor Telefon Pelajar** (tanpa simbol '-'', contoh: **0123456789**)

iv. Jumlah : **RM 200**




**Langkah 4:** Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran




**Langkah 5:** *Unique JomPay Reference Number* akan dipaparkan **setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan**.

Pelajar **WAJIB** mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.



### 3.1.2 <u>Kaedah pembayaran YURAN ASRAMA</u>

* Bayar melalui Perbankan Internet (JomPay)

**Langkah 1:** Log Masuk ke bank pilihan anda.



**Langkah 2:** Pilih JomPay pada menu *Pay Bills*




**Langkah 3:** Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

i. Biller Code : **483339**

ii. Reference 1 : **Nombor Kad Pengenalan Pelajar**
(tanpa simbol '-'', contoh: **030208055040**)

iii. Reference 2 : **Nombor Telefon Pelajar**
(tanpa simbol '-'', contoh: **0123456789**)

iv. Jumlah : **RM 360**




**Langkah 4:** Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan *(CONFIRM)* pembayaran. Pastikan **Biller Code Name** adalah **PNS**.




**Langkah 5:** Unique JomPay Reference Number akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

Pelajar WAJIB mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.



### 3.1.3 Kaedah pembayaran BAYARAN INSURANS

**Langkah 1:** Log Masuk ke Perbankan Pilihan Dalam Talian atau *Mobile Banking.*

**Langkah 2:** Pilih *Transfer* pada menu *Pay & Transfer*




**Langkah 3:** Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

| | |
|---|---|
| Nama Bank | : **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD** |
| No. Akaun | **05076010003771** |
| Nama Akaun | : **KOPERASI POLITEKNIK NILAI BERHAD** |
| Jumlah | : **RM 35.00** |

Di bahagian ***recipient e-mail*** sila tulis koperasipns2@gmail.com

Di bahagian ***recipient reference*** sila tulis **PELAJAR SENIOR**

Di bahagian ***other payment details*** sila tulis **NO. KP PELAJAR**




**Langkah 4:** Klik *Transfer*. Semak semula maklumat sebelum mengesahkan *(CONFIRM)* pembayaran. Pastikan maklumat yang dipaparkan adalah tepat.

**Langkah 5:** Butiran pembayaran serta *reference number* akan dipaparkan **setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan**. Pelajar **WAJIB** mencetak **resit** bayaran ini dan muat naik resit bayaran insurans ke https://bit.ly/yuranseniorsesiII bagi tujuan rekod Politeknik Nilai.

*Pelajar tajaan/biasiswa **WAJIB** membayar insurans sendiri

## 4. LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) MELALUI SPMP

i. Tarikh pendaftaran / lapor diri di SPMP Sesi II 2022 / 2023 adalah pada **30 Januari – 3 Februari 2023.**

ii. Semua pelajar **DIWAJIBKAN** untuk membuat **LAPOR DIRI** secara **DALAM TALIAN** melalui Portal SPMP **KECUALI** pelajar yang menjalani **Latihan Industri (LI)** perlu merujuk Unit Perhubungan & Latihan Industri.

iii. Pastikan anda telah menjelaskan yuran pengajian sebelum membuat pendaftaran secara atas talian.

iv. Pendaftaran hanya boleh dibuat **24-48 JAM** selepas pembayaran yuran dibuat.

v. Pembayaran yang dibuat pada hari Jumaat - Ahad **AKAN** dikemaskini pada hari Isnin berikutnya.

vi. Buat satu salinan bagi setiap slip bayaran untuk simpanan sendiri.

## 5. CARA MENDAFTAR/ LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) DI SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT PELAJAR (SPMP)

**Langkah 1**




**Langkah 2**




**Langkah 3**




**Langkah 4**

Cetak Slip Pendaftaran SPMP dan serahkan kepada PA.

**SEKATAN ONLINE LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR**

Pelajar berikut akan **DISEKAT UNTUK LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR:**

1) **Fail Pelajar/Dokumen Pendaftaran tidak lengkap**
2) **Tidak menjelaskan Yuran/Bayaran semester lepas.**
3) **Tidak Menjelaskan bayaran saman/denda.**



Sehubungan dengan itu, semua pelajar terlibat dikehendaki untuk berhubung segera dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk penyelesaian kes bagi mengelak Lapor diri anda disekat.

## 4. TATACARA KEMASUKAN SECARA FIZIKAL KE KAMPUS / ASRAMA

Berikutan isu pandemik Covid-19, Politeknik Nilai mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disarankan oleh kerajaan. Oleh itu, beberapa syarat telah ditetapkan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengekang penularan wabak Covid-19 seperti berikut:

i. Pelajar dan pengiring digalakkan memakai pelitup muka ketika memasuki kawasan dan sepanjang berurusan di Politeknik Nilai.

ii. Pelajar dikehendaki menjalani ujian kendiri (RTK) dengan tanggungan sendiri sekiranya menunjukkan gejala-gejala COVID19. Keputusan ujian hendaklah dimaklumkan kepada pihak HEP / warden / pengurusan asrama.

iii. Pelajar dan pengiring dibenarkan untuk memasuki kawasan Politeknik Nilai ketika mendaftar asrama. Walaubagaimanapun, Pengiring hanya dibenarkan untuk menurunkan pelajar di tempat yang disediakan dan hanya PELAJAR SAHAJA dibenarkan turun memasuki asrama.

## 5. PENGURUSAN RISIKO JANGKITAN COVID-19 DI POLITEKNIK NILAI

Bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 dikalangan pelajar yang akan pulang ke kampus, pelajar hendaklah sentiasa mematuhi perkara berikut:

i. Amalan pemakaian pelitup muka, sanitasi tangan adalah diamalkan di seluruh kampus Politeknik Nilai. Pelajar digalakkan untuk membawa pelitup muka sendiri dan cecair sanitasi tangan (hand sanitizer) bagi keperluan semasa berada di dalam kampus.

ii. Pelajar yang telah mendaftar kampus dan dikehendaki untuk tinggal di asrama, pergerakan keluar masuk pelajar adalah mengikut SOP pergerakan keluar masuk pelajar yang dibenarkan.

iii. Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan berdasarkan arahan semasa KPT.

iv. Kehadiran Pelawat adalah bergantung kepada situasi semasa dan penilaian risiko serta arahan / SOP terkini yang berkuatkuasa.

v. Aktiviti akademik di kampus akan dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan oleh KPT dan PNS serta mengamalkan pembudayaan norma baharu serta menggalakkan pelajar memakai pelitup muka, menggunakan cecair pensanitasi tangan serta menjaga penjarakan fizikal.

## 6. HUBUNGI KAMI

Sebarang masalah / pertanyaan lanjut berhubung proses lapor diri, sila hubungi **Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)** di talian **06-7980 441/491** atau melalui *WhatsApp Message* HEP 010-842 0695.

Bagi pertanyaan lain, sila hubungi unit berkenaan untuk maklumbalas segera.

| Perkara | Unit Berkaitan |
|---|---|
| **Masalah dan pertanyaan berkenaan Keputusan Peperiksaan, rayuan Gagal Berhenti (GB), Penilaian Khas dan lain-lain berkaitan peperiksaan akhir sesi II 2021 / 2022** | **Unit Peperiksaan**<br>**06-7980 411** |
| **Pertanyaan berkaitan dengan Asrama** | **Unit Pengurusan Asrama**<br>**06-7980 456** |
| **Pertanyaan berkaitan Latihan Industri** | **Unit Perhubungan & Latihan Industri**<br>**06-7980 410** |

Dikeluarkan oleh:
**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR**
Politeknik Nilai

LAMPIRAN 2

# TATACARA PENDAFTARAN ASRAMA PELAJAR SENIOR SESI II 2022/2023 POLITEKNIK NILAI

# CARTA ALIR
# PENDAFTARAN ASRAMA (PELAJAR SENIOR)
# SESI II: 2022/2023

**TARIKH :** **6 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**
**MASA :** **SESI PAGI: 8.30 – 12.30 PETANG**
**SESI PETANG: 2.30 – 4.30 PETANG**

**TEMPAT :** **BILIK GERAKAN**
**BLOK JATI (LELAKI)**
**MERANTI / CENGAL (PEREMPUAN)**

**1) Cetak dan lengkapkan borang Aku Janji Pelajar Asrama**
2) Cetak Borang Daftar Masuk Bilik Asrama (*Check-in*) dan Pengesahan Inventori
3) Cetak **Surat Tawaran Asrama**

**Dari Gate A terus ke Kaunter No. Bilik**

↓

Ambil **No. Bilik** Di Kaunter Pendaftaran (Drive-thru)

↓

Terus ke kaunter pendaftaran di **Bilik Gerakan Asrama Blok Jati / Meranti / Cengal**

↓

Bawa bersama dokumen berikut semasa di kaunter:

1) **Aku Janji Pelajar Asrama**
2) **Surat Tawaran Asrama**
3) **Borang *Check – in***
4) **Salinan Bayaran Yuran Asrama**

↓

Ambil **Kunci Bilik** kemudian turunkan tandatangan pada Buku Daftar Pelajar Asrama.
**(Pastikan maklumat dalam buku daftar adalah betul sebelum tandatangan)**

↓

Masuk ke bilik masing-masing

↓

**IBUBAPA TIDAK DIBENARKAN TURUN DARI KERETA SEMASA MENGHANTAR ANAK MENDAFTAR (DRIVE-THRU).**
Ibu bapa terus pulang ke rumah

Kamsis PNS

POLITEKNIK MALAYSIA
NILAI

**BORANG DAFTAR MASUK BILIK ASRAMA (CHECK-IN)**

**DAN PENGESAHAN INVENTORI**

(Perlu diisi oleh pelajar dan dihantar sendiri ke Pejabat Asrama pada hari masuk ke bilik asrama Politeknik Nilai)

Nama Pelajar: .......................................................... No. Pendaftaran: ................................................

No Bilik: ......................... No Katil: …………………No H/P: ..................................... Semester: ………………..

| BIL | PERKARA | ADA | TIADA | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kunci Bilik | | | |
| 2 | Pemegang Kunci *(tagging / key-chain)* | | | |
| 3 | Katil | | | |
| 4 | Tilam | | | |
| 5 | Kerusi | | | |
| 6 | Meja Belajar | | | |
| 7 | Almari Pakaian | | | |
| 8 | Dinding Bilik *(Semua tampalan nota dan contengan perlu dibersihkan)* | | | |
| 9 | Pintu bilik | | *Baik: | Rosak: |
| 10 | Tombol pintu | | *Baik: | Rosak: |
| 11 | Lampu | | *Baik: | Rosak: |
| 12 | Kipas | | *Baik: | Rosak: |
| 13 | Langsir | | *_____ keping | |
| 14 | Soket Plug | | *Baik: | Rosak: |
| 15 | Cermin tingkap | | *Baik: | Pecah: |
| PASTIKAN ANDA TELAH MENANDATANGANI **BUKU SENARAI PENGHUNI BERDAFTAR** | | | | |

Sekiranya terdapat sebarang masalah atau kerosakan yang berlaku semasa saya menginap di bilik ini tetapi tidak dinyatakan di dalam borang ini, **TINDAKAN TATATERTIB SECARA PENTADBIRAN DAN BAYARAN GANTIRUGI** boleh dikenakan ke atas saya.

Tandatangan Pelajar: ............................................

Tarikh: ..............................................................

**DI ISI OLEH**
**UNIT PENGURUSAN ASRAMA:**

Tandatangan :.........................................................

Nama : ....................................................................

Tarikh : ...................................................................

POLITEKNIK MALAYSIA NILAI

**AKU JANJI PELAJAR**

**ASRAMA POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN**

Saya ________________________________________________ No. K/P______________________________________

Dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan mematuhi semua undang-undang, peraturan-peraturan dan apa-apa arahan yang terpakai kepada penghuni asrama, Politeknik Nilai Negeri Sembilan. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain:-

a) **Menjaga nama baik Politeknik Nilai, Negeri Sembilan;**
b) **Mematuhi dan akur terhadap apa jua arahan dan peraturan asrama;**
c) **Menjaga keterampilan dan berpakaian sopan;**
d) **Berdisiplin dan akan mengikuti semua program yang dianjurkan di asrama; dan**
e) **Memberikan kerjasama dan bantuan dalam menjaga keselamatan, kebersihan dan aset kerajaan.**

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, arahan dan melanggar janji-janji di atas, maka tindakan susulan seperti dibuang atau digantung daripada menghuni asrama Politeknik Nilai, Negeri Sembilan boleh diambil ke atas saya oleh pihak politeknik.

Tarikh: _____________________ ______________________________

Tandatangan Pelajar

Disahkan Oleh: _______________________ Disaksikan : _______________________________

Tandatangan ibu/bapa/penjaga * Tandatangan Saksi **

Nama: ______________________________ Nama: _____________________________________

No. K/P :____________________________

_____________________________________

Cop Jawatan

Tarikh : ______________________________ Tarikh: ___________________________________

---

**potong yang tidak berkenaan.*

*** Saksi hendaklah terdiri dari Pegawai Kerajaan Kumpulan A, Pengetua, Guru Besar, Penghulu, Penggawa, Ketua Kampung, Ketua Kaum, Tuai Rumah atau Pegawai staraf dengannya.*

No. Matriks :……………………………. Program :………… Sesi Kemasukan: ……………………………..

**"Mendiami kolej kediaman bukan merupakan hak atau keistimewaan kepada mana-mana pelajar"**